

PRAKTIS PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL DI MALAYSIA: IMPLIKASI AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

*(The Practice of Paying Takaful Benefits in Malaysia:
Implications of the Islamic Financial Services Act 2013)*

Mohd. Faiz Mohamed Yusof
mrfaizyusof@gmail.com

Nurhanani Romli
nurhanani_romli@um.edu.my

Joni Tamkin Borhan
joni@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Ekonomi,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

Abstrak

Makalah ini menganalisis peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 yang memperincikan pelbagai aspek dalam pembayaran manfaat takaful, termasuk yang berkaitan dengan penamaan sebagai pemegang amanah (pentadbir harta) atau benefisiari hibah bersyarat yang sebelum ini tidak dinyatakan secara terperinci dalam Akta Takaful 1984. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara analisis kandungan. Kajian mendapati perubahan perundangan daripada Akta Takaful 1984 kepada APKI 2013 bukan sahaja menyeragamkan praktis pembayaran manfaat takaful di Malaysia, malahan memberikan pilihan kepada peserta Muslim dalam pengagihan pembayaran manfaat takaful. Keadaan ini secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada produk takaful berbanding dengan produk insurans konvensional dalam penawaran produk pengurusan risiko kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia.

Kata kunci: pembayaran manfaat takaful, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Takaful 1984, industri takaful

Abstract

This article analysis the provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) which details several aspects including the payment of takaful (Islamic insurance) benefits, including the naming of trustees (property administrators) or beneficiaries of conditional hibah (gifts) which were not dealt with in detail in the Takaful Act 1984. This study employs the approach of qualitative content analysis. The study reveals that the shift from the Takaful Act 1984 to IFSA 2013 not only standardized the practices of paying takaful benefit in Malaysia but also provides options for Muslim participants in the distribution of takaful benefits. This gives takaful products an edge over conventional insurance products as it offers risk-management products to both Muslims and non-Muslims in Malaysia.

Keywords: takaful benefit payments, Islamic Financial Services Act 2013, Takaful Act 1984, Malaysian takaful industry

PENDAHULUAN

Sejak penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada 1984 hingga kini, tidak banyak kes pertikaian di mahkamah yang melibatkan tuntutan pembayaran manfaat takaful, kecuali kes *A Teng Gia Hwa & 1 or lwn Syarikat Takaful Malaysia Berhad*¹. Kebanyakan masalah yang berkaitan dengan tuntutan manfaat takaful sama ada takaful keluarga mahupun takaful diselesaikan secara baik di luar mahkamah bagi mengekalkan reputasi baik syarikat pengendali takaful dalam pasaran industri produk pengurusan risiko takaful dan insurans².

Bank Negara Malaysia (BNM) pada 26 Jun 2013 telah menjelaskan bahawa dalam rangka kerja operasi kontrak takaful, syarikat pengendali takaful perlu membayar manfaat takaful dengan kadar segera. Semasa proses tuntutan manfaat takaful, pihak yang terlibat sama ada peserta atau orang yang berhak perlu menerima layanan yang sepatutnya daripada syarikat pengendali takaful. Jumlah manfaat yang dibayar kepada pihak yang berhak

1 *A Teng Gia Hwa & 1 or lwn Syarikat Takaful Malaysia Berhad* (2007) K22-134-2007-I.

2 Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Akta Takaful 1984: Satu Analisa" dlm. Asmak Ab. Rahman *et al. Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.113. Untuk maklumat lanjut tentang sejarah wakaf di Tanah Melayu dan kesan penjajahan British terhadap pentadbiran wakaf, sila rujuk Razali Othman, 2013. *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 97-104.

mestilah berdasarkan sijil takaful keluarga yang dikeluarkan³. Situasi sebelum pelaksanaan APKI 2013 menunjukkan bahawa peruntukan Akta Takaful 1984 tidak menyatakan perincian tentang pembayaran manfaat takaful. Keadaan ini menyebabkan berlakunya perbezaan dalam aspek pembayaran manfaat takaful antara satu syarikat pengendali takaful dengan syarikat pengendali takaful lain dalam industri takaful di Malaysia⁴. Walau bagaimanapun, seksyen 65 Akta Takaful 1984 ada menyatakan bahawa pihak yang wajar boleh menuntut pembayaran manfaat takaful daripada pihak syarikat pengendali takaful apabila berlaku kematian pihak peserta tanpa memerlukan sebarang probet⁵ atau surat kebenaran untuk menguruskan hal ehwal harta pusaka tersebut⁶. Pihak yang wajar bermaksud seseorang yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang berkenaan sebagai pemegang amanah atau pentadbir harta kepada si mati, atau yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang itu di bawah undang-undang berkaitan. Pihak yang wajar untuk menerima manfaat takaful adalah berdasarkan mengikut penamaan peserta dalam borang penamaan manfaat takaful sama ada pihak penerima manfaat takaful sebagai pemegang amanah atau sebagai benefisiari dalam hibah bersyarat⁷.

Berdasarkan amalan pembayaran manfaat takaful sebelum APKI 2013, syarikat pengendali takaful tidak semestinya memberikan pilihan kepada peserta berkenaan dengan kaedah pembayaran manfaat takaful yang dikehendaki peserta. Kebiasaannya, syarikat pengendali takaful akan menyerahkan pembayaran manfaat takaful kepada penama tertentu. Penama tersebut dianggap sebagai pemegang amanah untuk mengagihkan manfaat takaful tersebut kepada pihak yang berhak, yakni ahli waris atau pihak yang diwasiatkan. Seksyen 65(4) Akta Takaful 1984 turut memperuntukkan pengagihan manfaat takaful oleh pemegang amanah mestilah berdasarkan faraid⁸ bagi para peserta Muslim dan berdasarkan Akta Pembahagian 1959 bagi

- 3 Bank Negara Malaysia, 2013. *Guidelines on Takaful Operational Framework*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, hlm. 16.
- 4 Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz, "Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators" dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:2, hlm. 97, 67–100, 2010.
- 5 Probet bermaksud proses membuktikan secara rasmi kesahihan atau kesahan sesuatu wasiat. Lihat Pusat Rujukan Persuratan Melayu, istilah "Probet" melalui laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=probet> (Capaian pada 28 Disember 2014).
- 6 Seksyen 65(1) Akta Takaful 1984 (Akta 312).
- 7 Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anowar Zahid dan Ruziah Markom, "Effect of Nomination Under Life Insurance and Family Takaful" dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6: 1, hlm. 69, 2014.
- 8 Faraid ialah hukum pengagihan harta pusaka menurut perundangan Islam. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah "faraid", laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu dan *Kamus Dewan*, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=faraid> (Capaian pada 2 Oktober 2015).

para peserta bukan Muslim. Sekiranya para peserta takaful ingin menyerahkan manfaat takaful kepada pihak tertentu secara mutlak⁹, peserta perlu mengisi borang penyerahan manfaat takaful secara mutlak dengan meletakkan pihak yang dikehendaki menerima manfaat takaful sebagai benefisiari dalam hibah bersyarat.¹⁰ Kajian Nurdianawati Irwani dan Nazliatul Aniza (2010) turut menunjukkan bahawa berdasarkan kajian tahun 2010 terdapat empat syarikat pengendali takaful yang tidak menyediakan pilihan penamaan pembayaran manfaat takaful sebagai benefisiari dalam hibah bersyarat¹¹.

RESOLUSI SYARIAH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA DALAM PRAKTIS PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) ke-34 yang bertarih 21 April 2003 memutuskan bahawa manfaat takaful boleh dihibahkan kerana tujuan takaful adalah untuk memberikan perlindungan kepada peserta takaful. Oleh sebab itu, manfaat takaful merupakan hak mutlak peserta takaful. Para peserta mempunyai kebebasan untuk menggunakan hak tersebut mengikut pilihan mereka, selagi penamaan tersebut tidak bercanggah dengan syariah. Dalam konteks pemberian manfaat takaful secara hibah pula, peserta perlu menyatakan dengan jelas kontrak hibah dalam borang penamaan bagi membolehkan manfaat takaful diberikan terus secara mutlak kepada pihak yang dikehendaki.¹² Resolusi syariah ini menunjukkan bahawa kontrak hibah dalam pembayaran manfaat takaful dibenarkan sejak 21 April 2003.¹³ Namun begitu, terdapat empat syarikat pengendali takaful yang tidak

9 Seksyen 65(4) Akta Takaful 1984.

10 Mohamed Hadi Abd. Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dalam Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful" dlm. *Kanun* 26:2, hlm. 264, Disember 2014. Lihat juga Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anwar Zahid dan Ruziah Markom, "Effect of Nomination Under Life Insurance and Family Takaful" dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:2, hlm. 69, 2010.

11 Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz, "Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators" dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:2, hlm. 67–100, 2010.

12 Bank Negara Malaysia, 2011. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, hlm. 85–86; Mohamed Hadi Abd. Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful" dlm. *Kanun* 26:2, hlm. 264, 254–67, Disember 2014.

13 Bank Negara Malaysia, 2011. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, hlm. 85–86; Mohamed Hadi Abd. Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful" dlm. *Kanun* 26:2, hlm. 264, 254–67, Disember 2014.

mempraktiskan hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful, iaitu Hong Leong Tokio Marine Takaful, CIMB Aviva Takaful, Etiqa Takaful Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad kerana praktis kontrak hibah tidak dinyatakan dengan jelas dalam perundangan bertulis di Malaysia.¹⁴

Malahan, Mohd. Fadzli, Wan Zamri dan Abdul Khudus (2011) sebelum APKI 2013 digazetkan turut bersetuju bahawa penyerahan manfaat takaful secara mutlak atau benefisiari hanya boleh dibuat oleh peserta bukan Muslim sahaja. Menurut Mohd. Fadzli, Wan Zamri dan Abdul Khudus lagi, sebelum APKI 2013 digazetkan, peserta takaful Muslim hanya boleh membuat penamaan pihak yang dilantik sebagai pemegang amanah sahaja dan kemudiannya, pihak yang dilantik sebagai pemegang amanah tersebut perlu mengagihkannya manfaat takaful tersebut kepada ahli waris yang berkelayakan mengikut hukum faraid.¹⁵ Keadaan ini berlaku kerana semasa Akta Takaful 1984 berkuat kuasa, tiada sebarang peruntukan yang jelas yang membolehkan penamaan dibuat secara benefisiari melalui hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful di Malaysia.

PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL SELEPAS APKI 2013 DIGAZETKAN

Pembayaran Manfaat Takaful dalam APKI 2013 hanya memperincikan manfaat takaful bagi sijil takaful keluarga dan sijil kemalangan diri sahaja tanpa menyentuh langsung tentang pembayaran manfaat takaful bagi kontrak takaful am. Hal ini berlaku kerana tiada masalah besar dalam tuntutan manfaat takaful am kerana biasanya masalah dapat diselesaikan secara baik di luar mahkamah antara peserta dengan syarikat pengendali takaful terbabit.¹⁶ Aspek pembayaran manfaat takaful keluarga dan takaful kemalangan diri merupakan antara elemen yang diperincikan dalam APKI 2013. Perenggan 5 Jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 mengkhususkan manfaat takaful yang perlu dibayar tanpa sebarang potongan. Peruntukan ini menyatakan bahawa syarikat pengendali takaful tidak boleh memotong apa-apa bayaran daripada manfaat takaful yang perlu dibayar kepada pihak yang berhak, kecuali

14 Mohamed Hadi Abd Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful" dlm. *Kanun* 26:2, hlm. 264, Disember 2014.

15 Mohd. Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd. Naa'im, 2011. *Fundamentals of Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, hlm. 501.

16 Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Akta Takaful 1984: Satu Analisa" dlm. Asmak Ab. Rahman *et al.* *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.131.

mendapat keizinan daripada pihak tersebut.¹⁷ Jika pihak syarikat pengendali takaful memotong bayaran manfaat takaful tersebut, pemotongan tersebut dianggap tidak sah selagi tidak mendapat keizinan daripada pihak yang berhak terhadap manfaat takaful tersebut.¹⁸ Larangan pemotongan apa-apa bayaran terhadap manfaat takaful terpakai kepada semua sijil takaful keluarga di Malaysia selepas peruntukan APKI 2013 digazetkan.¹⁹ Sekiranya pihak yang berhak terhadap manfaat takaful berhadapan dengan mana-mana prosiding untuk menuntut hak manfaat takaful, maka, tidak boleh berlaku tolakan atau tuntutan balas terhadap prosiding tersebut, kecuali caj yang dikenakan terhadap sijil takaful keluarga sahaja.²⁰

PENAMAAN DALAM KONTRAK TAKAFUL

Perenggan 2 jadual 10 APKI 2013 menyatakan pihak yang diberi kuasa untuk membuat penamaan. Para peserta takaful yang mencapai umur 16 tahun dan ke atas berkuasa membuat penamaan sama ada melantik individu atau pihak tertentu sebagai pemegang amanah atau sebagai benefisiari hibah bersyarat. Dalam amalan industri takaful di Malaysia, para peserta boleh membuat penamaan secara bertulis kepada pihak syarikat pengendali takaful dengan menyatakan nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan alamat pihak penama yang dicadangkan.²¹ Syarikat pengendali takaful akan melampirkan borang penamaan bersama-sama dengan borang permohonan pelan takaful²² atau peserta perlu mengisi borang penamaan secara berasingan. Borang penamaan takaful memberikan pilihan kepada peserta untuk melantik individu berkaitan sama ada sebagai pemegang amanah atau sebagai benefisiari atau kedua-dua sekali mengikut peratus pembahagian manfaat takaful seperti yang dikehendaki oleh peserta takaful.²³ Tempoh masa penamaan penerima manfaat takaful boleh dibuat semasa sijil takaful dikeluarkan. Penamaan hendaklah dinyatakan secara bertulis kepada pihak syarikat pengendali takaful bersama-sama dengan sijil

17 Perenggan 5(1) jadual 8 seksyen 140 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013(Akta 759).

18 Perenggan 5(2) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 (Akta 759).

19 Perenggan 5(3) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 (Akta 759).

20 Perenggan 5(4) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 (Akta 759).

21 Perenggan 2(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

22 Takaful Malaysia, 2014. "Borang Cadangan Takaful Keluarga: Bahagian 9, Pelantikan Penama". Kuala Lumpur: Takaful Malaysia Berhad, hlm. 8.

23 MAA Takaful Berhad, 2013. "Borang Penamaan". Kuala Lumpur: MAA Takaful Berhad, hlm. 1-2.

takaful²⁴. Borang penamaan tersebut mestilah ditandatangani oleh seorang saksi yang sempurna akal dan telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas, serta bukan pihak yang dinamakan dalam borang penamaan tersebut.²⁵

Dalam amalan syarikat pengendali takaful di Malaysia, peserta perlu mengisi borang penamaan yang mengandungi nama, alamat, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau sijil kelahiran, jumlah peratus pembahagian jika penama melebihi daripada seorang, jenis penamaan sama ada pemegang amanah atau benefisiari hibah bersyarat mengikut peratus jumlah manfaat yang dikehendaki oleh peserta takaful. Seterusnya, borang penamaan tersebut perlu disahkan oleh peserta takaful.²⁶ Hal ini selaras dengan perenggan 4 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 yang mewajibkan syarikat pengendali takaful mempamerkan pada borang penamaan supaya peserta boleh memilih sama ada menyerahkan manfaat takaful sebagai pemegang amanah atau benefisiari dalam kontrak hibah bersyarat.²⁷ Borang penamaan tersebut kemudiannya perlu dilampirkan bersama-sama dengan sijil takaful keluarga sebagai rekod butir penamaan yang dibuat oleh peserta takaful.²⁸ Selanjutnya, pihak syarikat pengendali takaful akan menyerahkan semula sijil takaful yang dilampirkan bersama-sama dengan bukti penama dan penamaan tersebut berkuat kuasa pada tarikh pihak syarikat pengendali takaful menerima borang penamaan tersebut.²⁹ Para peserta takaful juga berhak memberikan jumlah peratus bahagian bagi penama manfaat takaful, jika penama melebihi daripada seorang. Sekiranya peserta tidak menyatakan peratus pembahagian, maka syarikat pengendali takaful akan membahagikan jumlah peratus secara sama rata mengikut jumlah penama.³⁰

Selepas APKI 2013 digazetkan, kesemua sebelas syarikat pengendali takaful di Malaysia telah memberikan pilihan kepada peserta takaful untuk memilih sama ada pembayaran manfaat takaful dibuat kepada pemegang amanah atau benefisiari dalam kontrak hibah bersyarat seperti yang terkandung dalam perenggan 2 (1) jadual 10 seksyen 142 APKI 2013 jika berlaku kematian

24 Perenggan 2(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

25 Perenggan 2(3) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

26 MAA Takaful Berhad, 2014. "Borang Penamaan", Kuala Lumpur: MAA Takaful Berhad, hlm. 1–2. Takaful Malaysia mempunyai praktis yang berbeza dalam borang penamaan, iaitu peserta hanya boleh memilih satu jenis penamaan sahaja sama ada wasi atau hibah bagi keseluruhan manfaat takaful. Lihat Takaful Malaysia, 2014. "Borang Cadangan Takaful Keluarga: Bahagian 9, Pelantikan Penama". Kuala Lumpur: Takaful Malaysia Berhad, hlm. 8.

27 Perenggan 2(4)(a)(i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

28 Perenggan 2(4)(b)(i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

29 Perenggan 2(4)(c)(i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

30 Perenggan 2(6). (i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

kepada peserta takaful terbabit. Keadaan ini berbeza daripada keadaan sebelum APKI 2013 dilaksanakan kerana terdapat empat syarikat pengendali takaful yang masih tidak mempraktikkan pembayaran manfaat takaful.³¹

Bil.	Senarai Syarikat Pengendali Takaful	Borang Penamaan	Borang Hibah
1.	AIA PUBLIC Takaful Bhd.	√	√
2.	AmMetLife Takaful Berhad	√	√
3.	Etiqa Takaful Berhad	√	√
4.	Great Eastern Takaful Berhad	√	√
5.	HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad	√	√
6.	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	√	√
7.	MAA Takaful Berhad	√	√
8.	Prudential BSN Takaful Berhad	√	√
9.	Sun Life Malaysia Takaful Berhad	√	√
10.	Syarikat Takaful Malaysia Berhad	√	√
11.	Takaful Ikhlas Berhad	√	√

Rajah 1 Borang Penamaan dan Borang Hibah dalam kontrak takaful selepas APKI 2013

(Sumber: Berdasarkan Borang Penamaan Syarikat Pengendali Takaful di Malaysia)

KESAN PENAMAAN TERHADAP PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Seseorang yang telah dilantik untuk menerima manfaat takaful sama ada sebagai pemegang amanah atau benefisiari dalam hibah bersyarat hendaklah menerima pembayaran manfaat takaful tersebut.³² Pihak benefisiari yang menerima manfaat takaful secara hibah mestilah diberikan manfaat takaful secara mutlak dan manfaat takaful yang diterima bukan merupakan sebahagian daripada harta pusaka dan juga tidak boleh ditolak untuk pembayaran

31 Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz. "Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators" dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:2, hlm. 84.

32 Perenggan 2(6)(i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

hutang.³³ Namun, terdapat pengecualian tertentu sekiranya sumbangan takaful tersebut bertujuan membayar hutang. Dalam situasi sumbangan takaful untuk pembayaran hutang, pemiutang perlu dibayar sejumlah wang daripada manfaat takaful berdasarkan sumbangan takaful yang dibayar.³⁴ Peruntukan ini turut memperincikan jika berlaku situasi penggunaan wang manfaat takaful oleh penerima hibah yang tidak mengetahui hutang tersebut, dan pemiutang menuntut hutang tersebut. Maka, pemiutang perlu menerima jumlah manfaat takaful yang belum digunakan walaupun kurang daripada jumlah takaful yang dibayar.³⁵ Dalam praktis industri takaful semasa, terdapat wakil jualan atau agen takaful yang menawarkan perlindungan takaful “Mortgage Level Term Takaful” bagi menggantikan produk kewangan “Mortgage Reduce Term Takaful”. Produk takaful “Mortgage Level Term Takaful” bukan produk yang dibentuk oleh syarikat pengendali takaful tetapi kebanyakan agen takaful yang berpengalaman akan mereka bentuk produk takaful bergantung pada keperluan bakal peserta. “Mortgage Level Term Takaful” direka bentuk melalui produk takaful berkaitan dengan pelaburan yang disertai oleh peserta takaful, khusus untuk membayar hutang seperti pinjaman perumahan sekiranya berlaku kematian. Apabila berlaku kematian, penama yang menerima sama ada secara pemegang amanah atau benefisari dalam hibah bersyarat akan membayar hutang perumahan bergantung pada jumlah baki hutang pinjaman perumahan.³⁶

Praktis “Mortgage Level Term Takaful” tidak mempunyai sebarang masalah dan bertujuan melunaskan hutang selepas kematian peserta takaful. Hal ini selaras dengan peruntukan perenggan 3(3) dan 3(4) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 yang mengutamakan pembayaran hutang peserta terlebih dahulu apabila menerima pembayaran manfaat takaful.

PEMBATALAN PENAMAAN UNTUK PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Secara umumnya, penamaan dalam kontrak takaful akan terbatal disebabkan oleh tiga perkara. Pertama, sekiranya berlaku kematian penama individu atau kematian kesemua penama bagi penama yang lebih daripada seorang. Kedua, melalui notis pembatalan penamaan yang diserahkan oleh peserta

33 Perenggan 3(2) (i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

34 Perenggan 3(3) (i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

35 Perenggan 3(3) (i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

36 Mohd. Salleh Mohd. Ali (Ketua Pengurus Agensi MAA Takaful Berhad) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Januari 2014.

takaful kepada syarikat pengendali takaful. Ketiga, apabila peserta membuat penamaan baharu, penamaan sebelumnya terbatal.³⁷ Hal ini bermaksud penamaan yang telah dibuat tidak boleh dibatalkan atas apa-apa sebab meskipun atas sebab wasiat.³⁸ Sekiranya berlaku situasi salah seorang penama yang layak menerima manfaat takaful terlebih dahulu meninggal dunia sebelum peserta takaful, dan kemudiannya, peserta takaful itu meninggal dunia pula, maka, bahagian penerima hibah yang meninggal dunia lebih awal daripada peserta takaful itu tidak boleh diserahkan kepada penerima hibah yang telah meninggal dunia tetapi perlu dimasukkan sebagai harta pusaka peserta takaful sekiranya peserta tersebut tidak membuat penamaan baharu bagi menggantikan penerima hibah yang telah meninggal dunia.³⁹

PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL MELALUI PENAMAAN

Apabila penama mengetahui kematian peserta, penama perlu membuat tuntutan manfaat takaful daripada syarikat pengendali takaful dengan mengemukakan bukti kematian peserta. Seterusnya, syarikat pengendali takaful bertanggungjawab untuk membayar manfaat takaful kepada penama yang menuntut manfaat takaful berdasarkan bukti kematian peserta.⁴⁰ Hal ini bererti pembayaran manfaat takaful tidak dilakukan secara automatik oleh syarikat pengendali takaful, meskipun syarikat pengendali takaful mengetahui kematian peserta takaful. Namun, syarikat pengendali takaful bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada penama tersebut agar membuat tuntutan manfaat berdasarkan alamat terakhir yang diketahui apabila cukup tempoh 60 hari.⁴¹ Sekiranya penama masih lagi tidak membuat tuntutan selepas 12 bulan, terdapat dua cara untuk menyelesaikan pembayaran manfaat takaful tetapi bergantung pada status sama ada penama tersebut ialah pemegang amanah atau benefisiari hibah bersyarat. Pertama, sekiranya penama ialah wasi, syarikat pengendali takaful perlu bertindak dengan menganggap bahawa tiada penama yang dibuat seperti perenggan 8 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 yang akan dijelaskan dalam suptopik “Pembayaran Manfaat Takaful Jika Tiada Penamaan”.⁴² Kedua, sekiranya

37 Mohd. Salleh Mohd. Ali (Ketua Pengurus Agensi MAA Takaful Berhad) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Januari 2014.


38 Perenggan 4(2)(i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

39 Perenggan 4(3)(i) dan (ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

40 Perenggan 3(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

41 Perenggan 5(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

42 Perenggan 5(3)(a) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).



Rajah 1.2 Carta aliran pembayaran manfaat takaful dengan penamaan dan tanpa penamaan.

(Sumber: Hasil analisis kualitatif kandungan berdasarkan peruntukan pembayaran manfaat takaful dalam jadual 10 seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759). Data dianalisis menggunakan program komputer Atlas.ti 7.)

penama ialah penerima hibah, syarikat pengendali takaful perlu bertindak menyerahkan pembayaran manfaat takaful kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut seperti peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.⁴³

SITUASI KEMATIAN PESERTA TAKAFUL DAN DIKUTI KEMATIAN PENAMA SEBELUM PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL DIBUAT

Selanjutnya, perenggan 5 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 turut memperincikan situasi sekiranya peserta takaful mati terlebih dahulu kemudian diikuti oleh kematian penama yang layak menerima manfaat takaful tetapi pembayaran manfaat takaful masih belum dibuat. Jika situasi ini berlaku, dua cara boleh dilakukan bergantung pada keadaan sama ada penama sebagai pemegang amanah atau penama sebagai benefisiari dalam hibah bersyarat. Pertama, sekiranya penama ialah pemegang amanah, maka manfaat takaful tersebut merupakan harta faraid bagi peserta takaful yang perlu diagihkan kepada ahli waris.⁴⁴ Kedua, sekiranya penama ialah benefisiari dalam hibah bersyarat. Manfaat takaful dianggap menjadi milik mutlak benefisiari dalam hibah bersyarat, iaitu milik mutlak penerima hibah yang telah meninggal dunia dan manfaat takaful tersebut menjadi harta pusaka bagi penerima hibah.⁴⁵

TANGGUNGJAWAB PENAMA YANG MENERIMA MANFAAT TAKAFUL

Syarikat pengendali takaful tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan terhadap manfaat takaful setelah membuat pembayaran manfaat takaful tanpa mengambil kira sama ada penama tersebut ialah pemegang amanah (pentadbir harta), atau benefisiari hibah bersyarat.⁴⁶ Selanjutnya, perenggan 6 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 menyatakan bahawa sekiranya penama tersebut merupakan pemegang amanah manfaat takaful tersebut, pemegang amanah perlu membahagikan manfaat takaful yang diterima sama ada mengikut wasiat atau pembahagian faraid berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan.⁴⁷

43 Perenggan 5(3)(b) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759). Lihat juga Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (Akta 370).

44 Perenggan 5(4)(a) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

45 Perenggan 5(4)(b) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

46 Perenggan 6(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

47 Perenggan 6(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL YANG DISERAH HAK ATAU DISANDARKAN

Dalam situasi tertentu, manfaat takaful boleh dicagarkan atau diserahkan hak secara keseluruhan atau sebahagian kepada pihak tertentu, misalnya dalam kes majikan mencarum kontrak takaful bagi melindungi kepentingan majikan dan juga pekerja.⁴⁸ Sekiranya berlaku musibah yang menyebabkan kematian pekerja tersebut, majikan akan menerima sejumlah manfaat takaful dan selebihnya akan diserahkan kepada waris atau penamaan yang telah dipersetujui. Pembayaran manfaat takaful kepada majikan bertujuan membangunkan semula sumber manusia, di samping menguruskan risiko kerugian akibat kehilangan tenaga kerja pakar yang telah mati.⁴⁹ Penyerahan hak manfaat takaful ini juga disebabkan oleh cagaran manfaat takaful untuk pembayaran hutang tertentu seperti yang telah dijelaskan dalam subtopik kesan penamaan.

Berdasarkan perenggan 7(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013, pihak yang diserahkan hak atau disandarkan manfaat takafulnya diutamakan terlebih dahulu sebelum manfaat takaful dibayar kepada penama yang dinyatakan oleh peserta takaful. Sekiranya terdapat cagaran manfaat takaful, syarikat penyendali takaful perlu membayar manfaat takaful terlebih dahulu kepada pihak yang mencagarkan manfaat takaful dan kemudian bakinya dibayar kepada penama takaful tersebut.⁵⁰ Begitu juga dengan situasi jika terdapat lebih daripada satu pihak yang berhak di bawah cagaran atau penyerahan hak manfaat takaful. Syarikat pengendali takaful perlu membayar manfaat takaful kepada pihak yang layak dicagar manfaat takafulnya berdasarkan keutamaan tarikh notis bertulis yang menyatakan tentang cagaran dan penyerahan hak manfaat takaful. Hal ini bererti notis yang awal akan diserahkan terlebih dahulu dan diikuti pula oleh notis cagaran yang seterusnya. Setelah semua notis cagaran diserahkan kepada pihak yang berhak, barulah pembayaran manfaat takaful dibayar kepada penama lain yang terdapat dalam kontrak takaful. Dalam kes ini, pihak yang dicagarkan atau diserahkan hak manfaat takafulnya diutamakan sebagai kelas pertama untuk pembayaran manfaat takaful.⁵¹

48 Majikan dan pekerja mempunyai hubungan kepentingan boleh lindung. Lihat perenggan 3(6) jadual 8 seksyen 140 APKI 2013 (Akta 759).

49 Mohd. Salleh Mohd. Ali (Ketua Pengurus Agensi MAA Takaful Berhad).

50 Perenggan 7(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

51 Perenggan 7(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL JIKA TIADA PENAMAAN

Perenggan 7(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 pula merupakan peruntukan yang menjelaskan pembayaran manfaat takaful yang tidak dibuat penamaan. Apabila berlaku situasi peserta mati dan tidak membuat penamaan untuk pembayaran manfaat takafulnya, syarikat pengendali takaful terlebih dahulu perlu membayar manfaat takaful kepada pihak yang dicagarkan atau diserahkan hak manfaat takaful, sekiranya terdapat notis cagaran atau serahan hak yang dinyatakan oleh peserta takaful.⁵² Kemudian, diikuti pula pembayaran manfaat takaful kepada pemegang amanah (pentadbir harta pusaka) yang sah. Syarikat pengendali takaful perlu mendapatkan maklumat untuk mencari sekiranya terdapat mana-mana individu yang berkelayakan untuk mentadbir harta pusaka peserta takaful yang telah meninggal dunia.⁵³

Terdapat dua cara pembayaran manfaaat takaful bagi kes yang tiada penamaan. Pertama, sekiranya syarikat pengendali takaful berpuas hati bahawa tidak terdapat mana-mana pihak yang berkelayakan untuk mentadbir harta pusaka yang sah bagi pihak peserta. Syarikat pengendali takaful boleh menyerahkan pembayaran manfaat takaful tersebut tanpa memerlukan perintah probet atau surat kuasa mentadbir atau suatu perintah pembahagian, jika manfaat takaful tersebut tidak melebihi RM100 000 atau apa-apa amaun yang lebih besar seperti yang telah ditentukan oleh BNM.⁵⁴

Kedua, sekiranya manfaat takaful melebihi RM100 000 atau apa-apa amaun yang lebih besar atau suatu amaun yang tidak lebih daripada RM100 000 atau apa-apa amaun yang lebih seperti yang ditetapkan oleh BNM. Syarikat pengendali takaful masih perlu membayar baki manfaat takaful kepada pentadbir harta yang sah.⁵⁵ Pentadbir harta yang sah yang dilantik bagi menerima manfaat takaful bukan sahaja terdiri daripada individu tertentu tetapi juga pentadbir harta pusaka yang diiktiraf seperti Pemegang Amanah Raya atau mana-mana syarikat pemegang amanah atau badan tertentu yang diiktiraf.

Apabila pembayaran manfaat takaful telah dibayar berdasarkan peruntukan pembayaran manfaat takaful yang tiada penamaan kepada mana-mana pihak, syarikat pengendali takaful tidak lagi menanggung sebarang liabiliti walaupun terdapat apa-apa kekurangan atau kecacatan dalam perintah

52 Telah dijelaskan dalam perenggan 7(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

53 Perenggan 8(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

54 Perenggan 8(2)(a) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

55 Perenggan 8(2)(b) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian atau dokumen lain yang berkaitan. Tanggungjawab syarikat pengendali takaful untuk membuat pembayaran manfaat takaful dianggap telah selesai sekiranya pembayaran telah dibuat berdasarkan bayaran manfaat takaful bagi yang tiada penamaan.⁵⁶ Pihak yang menerima pembayaran mestilah mengeluarkan resit atau apa-apa dokumen yang dianggap sah untuk menyatakan bahawa pihak dirinya telah menerima pembayaran manfaat takaful daripada syarikat pengendali takaful.⁵⁷

PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL KEPADA ORANG YANG TIDAK KOMPETEN BERKONTRAK

Takrifan mengenai orang yang tidak kompeten untuk berkontrak dalam perenggan 9 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 ialah seseorang yang masih belum mencapai umur 18 tahun atau yang diperakui tidak sempurna akal atau lemah tubuh badan oleh pengamal perubatan yang berdaftar penuh di bawah Akta Perubatan 1971⁵⁸ bahawa tidak mampu mengurus dirinya dan hal yang berkaitan dengan hartanya. Individu ini juga tidak mempunyai sebarang jawatankuasa yang dilantik bagi menguruskan harta pusakanya.⁵⁹ Takrifan ini menyebabkan penama dianggap tidak kompeten untuk berkontrak. Dalam situasi penama yang tidak kompeten berkontrak sebagai penerima hibah, pembayaran manfaat takaful akan dibayar kepada ibu atau bapa penama yang tidak kompeten itu.⁶⁰ Sekiranya penama yang tidak kompeten itu tidak mempunyai ibu atau bapa yang masih hidup, maka peruntukan berkaitan dibahagikan kepada dua keadaan. Pertama, sekiranya jumlah manfaat takaful tersebut tidak melebihi RM50 000, syarikat pengendali takaful boleh membayar kepada penuntut yang wajar setelah syarikat pengendali takaful berpuas hati mengenai kelayakan penuntut untuk menerima manfaat takaful. Pembayaran manfaat takaful itu juga tertakluk pada suatu aku janji pihak penerima manfaat takaful untuk menggunakan manfaat takaful tersebut bagi tujuan saraan dan faedah penama yang tidak kompeten berkontrak.⁶¹ Sekiranya manfaaat takaful tersebut melebihi RM50 000, syarikat pengendali takaful perlu menyerahkan manfaat takaful kepada Pemegang Amanah Raya atau

56 Perenggan 8(6) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

57 Perenggan 8(7) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

58 Akta Perubatan 1971 (Akta 50).

59 Perenggan 9 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

60 Perenggan 9(a) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

61 Perenggan 9(a)(i) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

syarikat pemegang amanah yang dinamakan oleh peserta takaful.⁶² Kedua, sekiranya manfaat pembayaran takaful berjumlah RM100 000 atau kurang daripada RM100 000 atau mana-mana jumlah yang ditetapkan oleh BNM. Syarikat pengendali takaful perlu menyerahkan manfaat takaful kepada Pentadbir Harta Pusaka Amanah Raya Berhad atau mana-mana syarikat pemegang amanah yang dilantik oleh peserta takaful.⁶³ Pihak pentadbir harta pusaka kemudiannya perlu mengagihkan kepada ahli waris mengikut hukum faraid ataupun kepada mana-mana pihak seperti yang telah diwasiatkan oleh si mati.

PEMBAHAGIAN MANFAAT TAKAFUL DALAM PERJALANAN PENTADBIRAN

Seseorang yang menerima manfaat takaful berdasarkan pembayaran manfaat takaful tanpa penamaan merupakan penerima manfaat takaful sebagai pentadbir harta pusaka sahaja dan bukannya sebagai benefisiari hibah bersyarat. Oleh itu, penerima manfaat takaful sebagai pentadbir harta pusaka perlu menguruskan manfaat takaful ini berdasarkan wasiat peserta takaful dan pembahagian secara faraid kepada ahli waris yang berkelayakan. Jika tiada apa-apa wasiat daripada si mati, manfaat harta tersebut perlu dibahagikan mengikut perundangan yang berkaitan dengan pentadbiran, serta pembahagian dan pelupusan harta pusaka.⁶⁴

SYARIKAT PENGENDALI TAKAFUL TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGGUNAAN MANFAAT TAKAFUL

Perenggan 11 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 turut menyatakan bahawa syarikat pengendali takaful tidak terikat atau terlibat untuk menyemak penggunaan manfaat takaful yang telah dibayar kepada mana-mana pihak.⁶⁵ Hal ini bermaksud syarikat pengendali takaful tidak menanggung sebarang kesan penggunaan manfaat takaful yang telah dibayar kepada pihak terbabit. Syarikat pengendali takaful juga tidak bertanggungjawab menguruskan manfaat takaful bagi kes pembahagian harta pusaka oleh pentadbir harta pusaka dan juga pengagihan wasiat.

62 Perenggan 9(a)(ii) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

63 Perenggan 9(b) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

64 Perenggan 10 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

65 Perenggan 11 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

GANTI RUGI SEKIRANYA BERLAKU KELEWATAN PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Apabila tuntutan manfaat takaful bagi sijil takaful keluarga atau sijil kemalangan diri telah dibuat oleh penama yang dinyatakan oleh peserta takaful, syarikat pengendali takaful mesti membayar kepada penama kurang daripada 60 hari daripada tarikh tuntutan dibuat. Sekiranya syarikat pengendali takaful gagal menjelaskan pembayaran manfaat takaful dalam tempoh 60 hari selepas tuntutan takaful dibuat, syarikat pengendali takaful perlu membayar ganti rugi minimum pada kadar pulangan pelaburan wang risiko peserta dan ditambah 1 peratus atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM. Tambahan 1 peratus atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM adalah berdasarkan jumlah manfaat takaful selepas tamat tempoh 60 hari sehinggalah tarikh pembayaran dibuat. Pembayaran tambahan 1 peratus atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM perlu dibayar menggunakan Kumpulan Wang Pemegang Saham.⁶⁶

Sekiranya tuntutan manfaat takaful yang melibatkan pembayaran kepada pemegang amanah yang sah bagi pembayaran manfaat takaful yang tiada penamaan yang berjumlah melebihi RM100 000, syarikat pengendali takaful perlu membayar ganti rugi sekiranya tidak menjelaskan manfaat takaful selepas tamat tempoh 60 hari daripada tarikh pentadbir harta mengemukakan perintah probet atau surat kuasa mentadbir atau perintah pembahagian sehingga tarikh pembayaran.⁶⁷ Jumlah pembayaran ganti rugi ini juga adalah seperti ganti rugi pembayaran manfaat takaful dengan penamaan, iaitu pada kadar pulangan pelaburan wang risiko peserta dan ditambah 1 peratus atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM. Tambahan 1 peratus atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM adalah berdasarkan jumlah manfaat takaful selepas tamat tempoh 60 hari sehinggalah tarikh pembayaran dibuat. Pembayaran tambahan 1 peratus atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh BNM perlu dibayar menggunakan Kumpulan Wang Pemegang Saham.⁶⁸

66 Perenggan 12(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

67 Perenggan 12(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

68 Seperti kadar ganti rugi minimum dalam perenggan 12(1).

KEUTAMAAN BERKAITAN DENGAN PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Perenggan 13 jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 secara jelas mengukuhkan aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan yang berkaitan dengan jadual 10 APKI 2013. Jadual 10 yang berkaitan dengan pembayaran manfaat takaful terpakai dan berkuat kuasa pada dan selepas tarikh yang ditetapkan. Pemakaian dan penguatkuasa berkaitan dengan jadual 10 APKI 2013 melibatkan kesemua sijil takaful di Malaysia tanpa mengira sama ada sijil takaful tersebut dikeluarkan sebelum, pada atau selepas APKI 2013 digazetkan. Tiada sebarang kandungan dalam mana-mana sijil takaful boleh mengurangkan pemakaian dan penguatkuasaan jadual 10 APKI 2013.⁶⁹

Jadual 10 APKI 2013 yang berkaitan dengan pembayaran manfaat takaful juga mestilah memberikan kesan dan berkuat kuasa penuh. Mana-mana perundangan lain yang tidak selaras atau bertentangan dengan jadual 10 APKI 2013 tertolak dan tidak diterima, termasuklah yang berhubung dengan probet, pentadbiran, pembahagian atau pelupusan harta pusaka si mati atau mana-mana amalan atau adat yang berkaitan dengan pembayaran manfaat takaful.⁷⁰ Kenyataan ini bermaksud, perenggan 13(2), jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 telah memperuntukkan kedudukan yang kukuh dan tinggi terhadap perkara yang berkaitan dengan pembayaran manfaat takaful dan tidak boleh dicabar oleh undang-undang bertulis lain.

Selain itu, kelainan yang terdapat dalam jadual 10 APKI 2013 adalah berkaitan dengan penamaan yang menggunakan hibah. Penamaan yang menggunakan hibah boleh dibuat tanpa mengira sama ada peserta tersebut Muslim atau bukan Muslim. Hal ini bererti peserta bukan Muslim juga boleh membuat penamaan secara hibah kerana dilindungi berdasarkan peruntukan undang-undang dalam jadual 10 APKI 2013.⁷¹ Namun, penamaan sebagai pemegang amanah atau pentadbir harta, penama masih perlu membahagikan bayaran manfaat takaful berdasarkan wasiat peserta takaful atau perundangan yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka peserta takaful yang telah

69 Perenggan 13(1) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

70 Perenggan 13(2) jadual 10 seksyen 145 APKI 2013 (Akta 759).

71 Tiada pengasingan dibuat tentang pembayaran manfaat takaful secara hibah sama ada Muslim atau bukan Muslim. Lihat bahagian kesan penamaan perenggan 3(2) jadual 10 seksyen 145. Lihat juga ulasan Mohamed Hadi Abd Hamid dan Rusni Hassan, "Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful" dlm. *Kanun* 26:2, hlm. 265, Disember 2014.

72 Perenggan 6(2) jadual 10 seksyen 145 AKPI 2013 (Akta 759).

mati.⁷²

KESAN APKI 2013 TERHADAP PEMBAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Praktis pembayaran manfaat takaful diputuskan melalui resolusi syariah dalam kewangan Islam oleh Majlis Penasihat Syariah BNM. Resolusi syariah tentang pembayaran manfaat takaful kemudiannya digazetkan melalui peruntukan perundangan dalam jadual 10 APKI 2013. Tujuan resolusi syariah dikeluarkan mempunyai masalah tertentu dalam pengagihan harta warisan daripada si mati. Malahan, hasil ijhtihad Majlis Penasihat Syariah BNM memberikan ruang pilihan penamaan sama ada sebagai pentadbir harta pusaka (pemegang amanah wasiat) dan benefisiari hibah bersyarat. Hal ini memberikan gambaran bahawa undang-undang syariah memberikan pilihan, termasuklah dalam aspek pengagihan harta warisan. Berdasarkan jadual 10 APKI 2013, semua syarikat pengendali takaful tertakluk pada perundangan secara terperinci yang menyeragamkan praktis pembayaran manfaat takaful di semua syarikat pengendali takaful di Malaysia.

Mohamed Hadi (2015) berpendapat bahawa walaupun terdapat pelbagai pertikaian terhadap praktis pengurusan manfaat takaful dalam APKI 2013, namun, objektif pengurusan manfaat takaful dalam APKI 2013 lebih baik dan jelas berbanding dengan Akta Takaful 1984. Peruntukan perundangan tentang penamaan manfaat takaful dalam APKI 2013 memberikan pilihan untuk membuat penamaan manfaat takaful sebagai (pemegang amanah wasiat), pentadbir harta faraid atau benefisiari hibah bersyarat. Misalnya dalam situasi tertentu, peserta takaful tidak lagi tinggal bersama-sama ahli waris seperti anak saudara, anak angkat dan mana-mana pihak lain yang bertanggungjawab melindungi dan menjaga kebajikan peserta takaful. Dalam konteks ini, kontrak hibah bersyarat memberikan ruang pilihan kepada peserta takaful untuk menyerahkan sebahagian daripada manfaat takaful kepada mana-mana pihak yang mereka inginkan.⁷³ Malahan, peruntukan APKI 2013 tidak menghalang dan memberikan hak sepenuhnya kepada peserta kontrak takaful untuk menamakan sesiapa sahaja sebagai penerima dan tidak memerlukan sebarang hubungan, termasuklah kepentingan boleh lindung takaful. Manakala, dalam perundangan yang berkaitan dengan APK 2013, menjelaskan bahawa praktis insurans konvensional bagi pemegang polisi bukan Muslim hanya membenarkan atau mengehadkan penamaan sebagai pasangan suami atau isteri, anak-anak atau ibu bapa sekiranya

73 Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad), dalam temu bual dengan penulis pada 12 Jun 2015.

tiada pasangan atau anak-anak yang berhak menerima wang polisi insurans atas dasar “statutory trust”. Sekiranya penama tersebut memenuhi syarat penamaan, penama tersebut akan menerima manfaat insurans konvensional secara mutlak sebagai benefisiari.⁷⁴ Sekiranya tiada pasangan suami isteri atau anak-anak hanya berhak menerima manfaat insurans konvensional sebagai pemegang amanah sahaja⁷⁵ dan mesti mengagihkan manfaat insurans berdasarkan peruntukan perundangan pembahagian harta pusaka bukan Muslim seperti yang terkandung dalam Akta Pembahagian 1958.⁷⁶

Keadaan ini sekali gus menggambarkan bahawa aspek kebebasan menamakan mana-mana pihak sebagai benefisiari hibah bersyarat memberikan nilai tambah kepada produk takaful berbanding dengan insurans konvensional, dan seterusnya memberikan persaingan kepada insurans konvensional dalam penawaran produk kewangan yang berkaitan dengan pengurusan risiko. Hal ini memberikan peluang kepada produk takaful untuk bersaing secara kompetitif dalam pasaran produk pengurusan risiko yang hanya sekitar 10.9 peratus sahaja penyertaannya di Malaysia.⁷⁷

Menurut Mohamed Hadi (2015) lagi, tiada isu hak ahli waris atau penerima pusaka dalam pembayaran kontrak hibah kerana kebanyakan peserta mempunyai harta dan aset lain yang lebih banyak melebihi jumlah hibah manfaat takaful. Golongan yang mempunyai kesedaran untuk menyertai kontrak takaful ini majoritinya terdiri daripada mereka yang berpendapatan sederhana dan tinggi yang mampu membayar caruman takaful.⁷⁸ Isu hak ahli waris yang berkaitan dengan pusaka dalam hibah pembayaran manfaat takaful tidak seharusnya berlaku kerana kebanyakan peserta takaful mempunyai harta pusaka yang jumlahnya lebih besar berbanding dengan jumlah manfaat takaful. Perkara yang paling penting, objektif utama kontrak

74 Perenggan 5(1)(a)(b) dan 6(1) jadual 10 seksyen 130 AKPI 2013. Lihat juga ulasan dalam Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anowar Zahid dan Ruziah Markom, “Effect of Nomination Under Life Insurance and Family Takaful” dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6:1, hlm. 70–71, 2014.

75 Perenggan 5(1)(a)(b) dan 6(1) jadual 10 seksyen 130 AKPI 2013. Lihat juga ulasan dalam Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anowar Zahid dan Ruziah Markom, “Effect of Nomination Under Life Insurance and Family Takaful” dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6:1, hlm. 70–71, 2014.

76 Akta Pembahagian 1958 (Akta 300).

77 Gustina dan Nurdiana Irwani Abdullah, “Analysis of Demand for Family Takaful and Life Insurance: A Comparative Study in Malaysia” dlm. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 8:4, hlm. 67–86, 2012.

78 Mohamed Hadi Abd Hamid (Ketua Bahagian Kajian dan Khidmat Nasihat Syariah, Etiqa Takaful Berhad).

79 *Maqasid al-Syariah* ialah matlamat atau objektif dalam perundangan syariah. Perbincangan lanjut boleh dirujuk dalam Mohammad Hashim Kamali, “*Maqasid Al-Shari’ah: The Objectives of Islamic Law*,” dlm. *Islamic Studies* 38:2, hlm. 193–208, 1999.

takaful perlulah bermatlamatkan *maqasid al-syariah*,⁷⁹ iaitu melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang merupakan masalah asas bagi setiap individu.

Secara dasarnya, penamaan dalam kontrak takaful telah mencapai matlamat untuk melindungi ahli waris dengan pilihan pembayaran manfaat takaful melalui kontrak penamaan secara pentadbir harta pusaka melalui faraid. Hak dan manfaat harta pusaka lain, selain manfaat takaful juga boleh dipindahkan kepada ahli waris mengikut hukum faraid. Dengan pemodenan dan perubahan suasana masyarakat masa kini, kontrak takaful dalam konteks pencapaian *maqasid al-syariah* secara *tahsiniyyah* bertujuan mencapai masalah yang lebih baik, termasuk menjaga kehormatan manusia.⁸⁰ Menjaga kehormatan manusia dalam konteks pembayaran manfaat takaful memberikan hak kepada peserta takaful untuk memberikan manfaat takaful kepada sesiapa yang dikehendaki oleh peserta takaful. Peserta takaful melalui kontrak hibah bersyarat mempunyai hak menyerahkan manfaat takaful kepada mana-mana individu yang mereka inginkan melalui benefisiari hibah bersyarat setelah mempertimbangkan keutamaan kepada ahli waris yang merupakan masalah asas dalam takaful, iaitu menjaga keturunan.

Oleh itu, praktis pembayaran manfaat takaful dalam APKI 2013 sama ada secara pentadbir harta faraid (pemegang amanah wasiat) mahupun benefisiari hibah bersyarat telah memenuhi keperluan semasa kewangan masa kini dan juga telah memenuhi objektif pensyariatan hukum Islam atau *maqasid al-syariah* untuk mencapai masalah asas sehinggalah masalah *tahsiniyyah* yang bertujuan menjaga kehormatan manusia.

KESIMPULAN

Walaupun terdapat pelbagai isu yang ditimbulkan mengenai pembayaran manfaat takaful, semua pihak, termasuklah Jawatankuasa Syariah, pihak pengurusan syarikat pengendali takaful, pegawai syariah dalaman syarikat pengendali takaful, masyarakat awam dan pihak lain yang berkaitan dengan urus niaga dan operasi industri takaful perlu menerima APKI 2013 sebagai satu keputusan syariah, hasil ijtihad daripada persetujuan majoriti pakar syariah yang dilantik dalam Majlis Penasihat Syariah BNM. Ijtihad terkini melalui resolusi Majlis Penasihat Syariah BNM dalam konteks industri

80 Untuk penjelasan lanjut lihat Mahmood Zuhdi Ab. Majid dan Paizah Ismail, 2004. *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation, hlm. 187–89.

takaful dilihat lebih sesuai dan praktikal untuk menerima pelaksanaan hibah bersyarat dalam industri takaful di Malaysia.⁸¹ Tambahan pula, seksyen 58 Akta Bank Negara Malaysia 2009 telah memperuntukkan dengan nyata sekiranya terdapat apa-apa pertentangan dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM, resolusi dan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM akan diterima sebagai patuh syariah menurut undang-undang.⁸² Seksyen 29(1) APKI 2013 juga turut mengukuhkan segala keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM yang diterima sebagai penanda aras dalam pematuhan syariah.⁸³ Dengan erti kata lain, hasil keputusan ijtihad resolusi syariah Majlis Penasihat Syariah BNM diperakui sah sama ada dari aspek syariah dan juga perundangan sivil di Malaysia.

RUJUKAN

- Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701).
Abdullah @ Alwi Haji Hassan, 2010. "Akta Takaful 1984: Satu Analisa" dlm. Asmak Ab. Rahman *et al.* (ed.). *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-isu Komtemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
Akta Pembahagian 1958 (Akta 300).
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).
Akta Takaful 1984 (Akta 312).
Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (Akta 370).
Ali Muhyiddin al-Qurrahdaghi, 2004. *Al-Ta'min al-Islami: Dirasah Fiqhhiyyah Ta'siliyyah*. t.t: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
Bank Negara Malaysia, 2013. *Guidelines on Takaful Operational Framework* Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
Bank Negara Malaysia, 2011. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
Gustina dan Nurdiana Irwani Abdullah, "Analysis of Demand for Family Takaful and Life Insurance: A Comparative Study in Malaysia" dlm. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 8:4, hlm.

81 Ali Muhyiddin al-Qurrahdaghi, 2004. *Al-Ta'min al-Islami: Dirasah Fiqhhiyyah Ta'siliyyah*. Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, hlm. 244.

82 Seksyen 58 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701). Lihat juga ulasan Mohd. Faiz Mohamed Yusof *et al.*, "Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pra dan Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013" dlm. *Sains Humanika* 5:1, hlm. 77–85, 2015.

83 Seksyen 29(1) APKI 2013.

- 67–86, 2012.
- laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 28 Disember 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=probet>
- MAA Takaful Berhad, 2013. “Borang Penamaan”. Kuala Lumpur: MAA Takaful Berhad.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid dan Paizah Ismail, 2004. *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation.
- Mohamed Hadi Abd Hamid dan Rusni Hassan, “Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful” dlm. *Kanun* 26:2, hlm. 254–67, Disember 2014.
- Mohd. Fadzli Yusof, Wan Zamri Wan Ismail dan Abdul Khudus Mohd. Naaim, 2011. *Fundamentals of Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Mohd. Faiz Mohamed Yusof *et al.*, “Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pra dan Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013” dlm. *Sains Humanika* 5:1, hlm. 77–85, 2015.
- Nurdianawati Irwani Abdullah dan Nazliatul Aniza Abdul Aziz. “Case Studies of the Practice of Nomination and Hibah by Malaysian Takaful Operators” dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 2:2 67–100, 2010.
- Takaful Malaysia, 2014. “Borang Cadangan Takaful Keluarga: Bahagian 9, Pelantikan Penama”. Kuala Lumpur: Takaful Malaysia Berhad.
- Teng Gia Hwa & I or Iwn Syarikat Takaful Malaysia Bhd.* [2007] K22-134-2007-I.
- Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anowar Zahid dan Ruziah Markom, “Effect of Nomination Under Life Insurance and Family Takaful,” dlm. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 6:1, hlm. 67–85, 2014.